

17 AUG 2001
MASSCORP-UGANDA
UGANDA, PASARAN LUMAYAN BAGI BARANGAN M'SIA

KAMPALA, 17 Ogos (Bernama) -- Benua Afrika mungkin merupakan jawapan mukatamad kepada pencarian para pengeksport Malaysia bagi pasaran-pasaran baru kerana keluaran-keluaran China yang lebih murah berjaya memasuki pasaran-pasaran tradisi itu, seorang peniaga terkenal Malaysia berkata di sini Khamis.

Tan Sri Tee Hock Seng, pengarah urusan Masscorp Trading Sdn Bhd, berkata "Pengeksport-pengeksport kita mestilah serius menerokai Afrika sebagai sebuah pasaran lumayan yang berpotensi dalam usaha mempelbagaikan pasaran."

Tee berkata dengan ekonominya yang sedang meningkat, Uganda boleh menjadi pintu masuk kepada keluaran-keluaran Malaysia, terutamanya, ke negara-negara Afrika Timur.

Dalam masa cuma beberapa bulan sejak operasi bermula dalam bulan Mei di Malaysian Business Centre (U) Ltd (MBC), kira-kira lapan kontena barangan bernilai kira-kira AS\$200,000 telah diimport ke Uganda, beliau memberitahu wartawan-wartawan Malaysia di sini.

MBC adalah usaha sama 60:40 antara Masscorp Trading dan seorang peniaga Malaysia, Sekaran Vellasamy, ditubuhkan untuk menggalakkan barangan Malaysia. Sekaran, adalah juga pengarah urusan pusat itu.

MBC kini menggalakkan produk-produk yang dikeluarkan oleh lebih 20 syarikat Malaysia dan lebih 20 pengeluar seumpman itu telah melanti MBC sebagai agen mereka di Uganda.

Antara barangan itu adalah barangan tahan lama pengguna seperti sarung tangan getah, kondom, makanan dan minuman, perkakas elektrik dan keluaran-keluaran isirumah lain.

Barangan-barangan itu mendapat permintaan yang tinggi di Uganda, sebuah negara pertanian dengan ekonomi terutamanya berorientasi eksport berasaskan kopi, kapas, teh dan tembakau dengan kuasa belian yang kian meningkat dan asas pengguna seramai 21 juta orang.

Tee berkata perabot buatan Malaysia juga mempunyai pasaran lumayan yang berpotensi di Uganda sementara usaha sedang berjalan untuk membawa masuk tayar buatan Malaysia.

Baru-baru ini sahaja, satu tempahan untuk perabot Malaysia bernilai AS\$20,000 (RM76,000) telah dibuat oleh seorang pembeli.

Tee, yang juga pengarah urusan kumpulan Bina Puri Holdings Bhd, berada di sini untuk menghadiri "Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa Global 2001", yang mana Uganda adalah tuan rumahnya, bertujuan untuk memupuk kerjasama lebih besar di kalangan negara-negara Selatan-Selatan dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan menghadiri dialog itu, dijadual merasmikan pusat itu sebaik ketibaannya daripada lawatan ke Yemen petang Sabtu ini.

Tee berkata bahawa MBC adalah pejabat seberang laut pertama seumpamanya kepunyaan Masscorp Trading, anak syarikat Masscorp Bhd, yang sebaliknya adalah sebuah konsortium yang dimiliki oleh para pemimpin korporat bertujuan menggalakkan rangkaian perdagangan dan pelaburan Selatan-Selatan.

Penyusunan semula baru-baru ini menghasilkan MassCorp Bhd menjual 15 peratus pegangan saham kepada Tee Hock Seng Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat pegangan pelaburan Tee.

Pusat itu mengadakan satu landasan untuk mengujudkan kesedaran lebih besar terhadap Afrika mengenai keluaran-keluaran perkilangan dan

perkhidmatan Malaysia dan juga untuk menggalakkan transaksi perniagaan yang berkesan di antara syarikat-syarikat Malaysia dan pasaran Afrika amnya dan kawasan sekitarnya.

MBC, dengan modal berbayar AS\$100,000, mempunyai gudang seluas kira-kira 400 meter persegi, lima minit jaraknya daripada pusat bandar Kampala dengan laluan cepat ke pasaran borongan.

Ia terletak di Plot 1 , Old Kampala Road, (Ugachick), Kampala, Uganda (Tel: 256-77-402707, Fax: 256-41-2519580), manakala alamat e-melnya ialah mbc@africaonline.co.ug.

Sementara itu, Sekaran, yang dianggap sebagai orang penghubung Malaysia di Uganda, berkata bahawa syarikat-syarikat Malaysia boleh menghantar keluaran mereka secara langsung ke MBC dengan harga yang kompetitif, bermutu tinggi dan penghantaran yang konsisten.

"Keluaran-keluaran Malaysia telah pun memperkukuhkan asasnya di Uganda," katanya, sambil menekankan keperluan mengimport barangan itu secara langsung tidak sebaliknya melalui Dubai atau Singapura.

Salah satu daripada tarikan jualan bagi barangan Malaysia ialah kualiti yang tinggi dan kemasan yang baik di samping pembungkusan yang menarik, katanya, sambil menyebut kertas fotokopi yang mencatatkan jualan yang laris.

Sekaran juga berkata, "Aliran tunai masih tinggi di Uganda," apa lagi dengan dividen keamanan, seperti kemakmuran yang meningkat, yang timbul daripada tempoh kestabilan politik yang agak panjang dan pendirian pro-perniagaan yang diusahakan oleh Presiden Uganda, Yoweri Museveni.

Katanya rancangan perluasan sedang dibuat di MBC untuk menempatkan kemungkinan aktiviti pembuatan ringan masa depan seperti proses pengeluaran akhir sarung tangan getah pelincir Malaysia dan kondom atau malahan separa pemasangan perkakas elektrik. -- BERNAMA

MR KTC OS